

## SINOPSIS

Penyelidikan yang dijalankan adalah mengenai Tanah Pusaka yang diwarisi oleh orang Melayu di Kampung Sungai Layar Ujong, Sungai Petani, Kedah. Latihan ini mengandungi enam bab. Bab pertama menerangkan tujuan, penyelidikan, kepentingan kajian metodologi yang dipraktikkan serta masalah-masalah yang timbul semasa kajian.

Bab 2 seterusnya menghuraikan struktur dan kedudukan kampung. Secara ringkasnya ia meliputi kedudukan kawasan kajian dari segi geografi dan sejarah. Di samping itu, dibicarakan juga tentang kekeluargaan yang wujud dan bentuk petempatan serta ekonomi masyarakat di sini secara umum.

Konsep mengenai pembahagian harta pusaka dibincangkan di dalam Bab 3. Dalam bab ini ditekankan dengan terperinci cara pembahagian yang dibenarkan oleh Islam, ahli waris yang sepatutnya menerima bahagian dan jumlah yang diperolehi serta 'hijab' iaitu penghalang warisan. Di sini juga disentuh mengenai kedudukan adat dalam pembahagian.

Perbincangan bab 4 menumpukan perhatian kepada pembahagian yang dijalankan oleh penduduk kampung. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu pembahagian pertama, pembahagian kedua dan tukar milik yang berlaku melalui hebah dan penjualan. Di sini juga dilihat keluasan yang diperolehi oleh waris.

Seterusnya dilihat pula kepada masalah dan kesan pembahagian yang berlaku di dalam komuniti di bab 5. Ia membincangkan masalah di peringkat pentadbiran dan di kalangan penduduk serta kesannya kepada tanah dan penggunaannya. Akhir sekali di dalam bab 6, dibincangkan kedudukan tanah orang Melayu secara umum dan cadangan pengkaji terhadap masalah tanah pusaka, kesimpulan dan penutup.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan kurnianya dapat saya menyempurnakan kajian ilmiah ini sebagai syarat memenuhi Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang pengkhususan disiplin Antropologi dan Sosiologi.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Muhammad Ikmal Said yang telah bersusah payah memberi teguran, cadangan, bimbingan dan tunjuk ajar sehingga terhasilnya kajian ilmiah ini.

Terima Kasih juga saya ucapkan kepada kaki tangan Pejabat Tanah daerah Sungai Petani, kaki tangan Pejabat Harta Pusaka Kecil dan Penghulu Mukim atas sumbangan data-data kajian. Tidak lupa juga kepada responden-responden yang terlibat dan Kamal yang menolong menaipkan tesis ini.

Kerjasama semua pihak di atas dalam menjayakan latihan ilmiah ini sekali lagi jutaan terima kasih diucapkan.

Zurina Mohd. Radzi  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.